



UMP anjur Ceramah Kenegaraan

Ketua Penolong Pengarah Bahagian *Counter Terrorism*, Cawangan Khas Bukit Aman SAC Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay menyampaikan Ceramah Kenegaraan kepada kira-kira 300 pelajar dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Dewan Kuliah di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UMP Pekan pada 30 Oktober 2015 yang lalu.

Ceramah bertajuk 'Pengaruh Keganasan Antarabangsa Terhadap Kedaulatan Negara' itu dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI) bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-58 peringkat UMP pada tahun ini.

Dalam ceramahnya selama hampir dua jam itu, beliau berkata, kini unit siber kumpulan militan Negara Islam (IS) mampu mempengaruhi seawal usia kanak-kanak bagi menyertai perjuangan mereka di laman media sosial.

Katanya, perkara ini tidak mustahil kerana

unit siber IS memuat naik kira-kira 100,000 bahan propaganda mereka di Facebook dan Twitter setiap hari.

"Penilaian ini dibuat selepas risikan dan siasatan mendapati semua individu yang mempunyai akses kepada media sosial atau apa sahaja medium perhubungan melalui internet lain terdedah kepada pengaruh kumpulan militan IS.

Terbaharu, pihaknya turut mengesan kini dalam kalangan penyokong kumpulan militan IS akan membawa semua ahli keluarganya ke Syria untuk menyertai kumpulan itu," katanya.

Beliau turut menasihatkan agar orang ramai yang mempunyai maklumat supaya salurkan segera kepada polis dan kami akan pantau individu yang dilihat cenderung menyokong ideologi IS. Ia bagi memudahkan usaha kita membendung penyebaran fahaman yang menyimpang ini daripada berterusan.

Selain itu, beliau turut menasihatkan pelajar agar lebih berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan ideologi kumpulan militan IS yang cuba merekrut anggota baharu khususnya golongan muda menerusi media sosial.

Malahan pelajar perlu berwaspada dengan pelbagai maklumat di media sosial khususnya yang boleh merosakkan masa hadapan mereka sehingga mengancam keamanan negara.

Menurut Nurul Nabilah Abu Bakar, 19, yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), sesi ceramah ini amat menarik dan banyak memberi pengetahuan mengenai pengaruh kumpulan militan IS.

Hadir sama dalam program, Ketua Pusat Kokurikulum, Ramli Abid, Presiden Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI), Mohd Raizalhilmy Mohd Rais dan Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar UMP Pekan, Zainuddin Mat Husin.

